

11 pegawai, tenaga kerja

perhubungan UMS lawat Arkib Negeri

4B 7.8.13 64
SEROMBONGAN seramai sebelas orang pegawai dan tenaga kerja Bahagian Perhubungan Korporat Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuat lawatan kerja di Arkib Negeri Sabah baru-baru ini.

Lawatan itu yang diketuai oleh Penolong Pendaftar Kanan UMS, Azmi Jumat, bertujuan untuk menjalin hubungan kerjasama antara Pejabat Bahagian Perhubungan Korporat UMS dan Pejabat Jabatan Arkib Negeri Sabah di samping memberi pendedahan kepada ahli rombongan berkaitan pengurusan arkib.

Rombongan juga mendapat pendedahan dari segi pengurusan sumber manusia dan koleksi rekod, dan arkib, di mana mereka diberi taklimat tentang peranan dan fungsi arkib oleh Ketua

Bahagian Pembangunan Organisasi dan Teknologi, Shirley Sion.

Seterusnya, rombongan disajikan dengan tayangan filem bersejarah yang banyak disimpan di Arkib Negeri oleh Pembantu Arkib, Lily Chan.

Rombongan juga berpeluang melihat aktiviti-aktiviti jabatan dengan lebih dekat lagi, khususnya di Bahagian Pemeliharaan Arkib Awam dan Kaji Selidik, dan di Pusat Sumber WC Cowie di mana rujukan dan penyelidikan boleh dijalankan.

Lawatan turut dibuat ke Bahagian Pemuliharaan dan Reporgrafi yang berfungsi membaik-pulih dokumen yang rapuh dan rosak.

Melaluinya, ahli rombongan melihat bagaimana sesuatu rekod itu dibaik-pulih melalui kaedah pembaikan tisu.



ACARA simbolik bagi penyampain cenderakengan bagi menjalinkan hubungan kerjasama antara Pejabat Bahagian Perhubungan Korporat UMS dan Pejabat Jabatan Arkib Negeri Sabah.